

## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



.....

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Beatrice Anne Anak Saga

No. Pelajar: 17020058

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh:

## **PENGHARGAAN**

Dengan kesempatan ini saya ingin memanjatkan kesyukuran kepadaNya kerana dengan segala izinNya tesis ini dapat saya hasilkan dengan sempurna seperti yang tertakluk pada format tesis sarjana UNIMAS. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tulus dan ikhlas kepada Profesor Madya Dr Noria Tugang, beliau yang merupakan penyelia utama saya telah banyak membantu saya sepanjang proses menyiapkan tesis ini berlangsung.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa saya menjalankan penyelidikan ini. Terutamanya kepada para informan saya yang telah banyak memberikan data-data yang amat berguna dalam penyelidikan ini secara sukarela tanpa paksaan. Kerjasama daripada mereka sangat saya hargai dan akan selalu saya kenang.

Dorongan dan sokongan daripada bonda tercinta Puan Evelyn Unyang dan nenek tersayang Puan Uteh Bunya yang tidak pernah padam selama ini saya dahulukan dengan ucapan jutaan terima kasih. Kejayaan yang saya kecapai sehingga ke hari ini tidak akan tercapai tanpa doa daripada seorang ibu. Tanpa beliau mustahil untuk saya berada diposisi saya saat ini. Sekalung ucapan terima kasih kepada adik beradik saya Thadeus, Scholastica Lyndorn, Darrellene serta ahli-ahli keluarga yang lain atas sokongan moral daripada mereka. Tidak lupa kepada para sahabat seperjuangan yang banyak memberikan kata-kata semangat dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali saya memanjatkan doa kepada Tuhan agar tesis Harta Intelek Produk Tradisional Sarawak: Pua Kumbu ini mampu menjadi panduan dan memberikan manfaat kepada sesiapa sahaja terutama mereka yang mempunyai minat dalam bidang pengurusan seni, harta intelek, budaya serta produk tradisional etnik-etnik di Sarawak khususnya.

## ABSTRAK

Penyelidikan ini memberikan penjelasan tentang Harta Intelek Produk Tradisional Sarawak: Pua Kumbu. Harta intelek merupakan suatu bentuk aset yang bersifat ketara dan tidak ketara sudah semestinya mempunyai akta-akta tertentu yang sesuai dengan kriterianya untuk melindungi kedua-dua aset tersebut. Akta-akta yang terdapat di bawah undang-undang harta intelek adalah seperti akta hak cipta, paten, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk perindustrian dan reka bentuk litar bersepadu. Dengan adanya akta-akta seperti ini produk tradisional Pua Kumbu boleh dilindungi daripada pelbagai jenis aspek ketara dan tidak ketara. Harta Intelek Produk Tradisional Sarawak: Pua Kumbu bertindak sebagai perlindungan yang memastikan idea asal untuk sesuatu produk terjaga serta memberikan hak eksklusif kepada empunya idea atau barangan di mana mereka berhak untuk mengawal dan mengeksploitasi hak intelektual mereka. Pua Kumbu yang merupakan produk tradisional masyarakat Iban di Sarawak mempunyai nilai estetika dan nilai pasaran yang tinggi sudah semestinya menjadi dambaan setiap orang untuk memilikinya. Pada era modenisasi hari ini, pemilik hak cipta untuk produk tradisional tersebut masih tidak dapat diselesaikan tanpa menyinggung mana-mana pihak. Oleh itu, penyelidikan ini membincangkan dengan terperinci akta-akta yang sesuai digunakan untuk Harta Intelek Produk Tradisional Sarawak: Pua Kumbu, kepada pengusaha, pemilik dan perbadanan yang memelihara budaya serta produk tradisional masyarakat Iban. Selain meneliti impak pengurusan harta intelek dan menganalisis strategi pengurusan harta intelek dalam usaha membantu melindungi nilai estetika, keaslian dan kualiti Pua Kumbu.

**Kata kunci:** Pengurusan, harta intelek, akta, masyarakat Iban dan Pua Kumbu

## ***Intellectual Property of Sarawak Traditional Product: Pua Kumbu***

### **ABSTRACT**

*This research is to stress out the intellectual property management of Sarawak traditional product, Pua Kumbu. Intellectual property is a tangible and intangible asset that must have certain laws that meet the criteria for protecting both assets. The acts under intellectual property law are copyright, patent, trademark, geographical indication, industrial design, and integrated circuit layout design. With acts such as Sarawak traditional product, Pua Kumbu can be protected from a variety of tangible and intangible aspects. Intellectual property management of traditional products acts as a safeguard that ensures the original idea of a product is protected and gives the owner exclusive rights to ideas or goods for which they have right to control and exploit their intellectual property right. Pua Kumbu which is traditional product of Iban community in Sarawak with high aesthetic and market value always be the desire of everyone to own it. In today's modern age, the copyright for traditional products is still unable to be resolved without offending anyone. Therefore, this research discusses in detail the appropriate laws to be used in intellectual property management for entrepreneurs, owners and foundation that maintain the traditional culture and products of Iban community. In addition to examining the impact of intellectual property management and analyzing intellectual property management strategies as an effort to help safeguard the aesthetic value, originality, and quality of Pua Kumbu.*

**Keywords:** *Management, intellectual property, acts, Iban community and Pua Kumbu*

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>PERAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b><i>ABSTRACT</i></b>	iv
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Soalan Penyelidikan	7
1.4 Objektif Penyelidikan	7
1.5 Skop Penyelidikan	8
1.6 Limitasi Penyelidikan	8
1.6.1 Bahan Rujukan adalah Terhad	9
1.6.2 Kesukaran Bertemu Informan	9
1.6.3 Tidak Dapat Bekerjasama dengan Informan	9
1.7 Signifikansi Penyelidikan	10
1.8 Sistematika Penyelidikan	12
1.8.1 Bab 1: Pendahuluan	12

1.8.2	Bab 2: Penyelidikan Keperpustakaan	12
1.8.3	Bab 3: Metodologi Penyelidikan	13
1.8.4	Bab 4: Dapatan dan Perbincangan	13
1.8.5	Bab 5: Kesimpulan dan Cadangan	14
	<b>BAB 2: KUPASAN KEPERPUSTAKAAN</b>	15
2.1	Pengenalan	15
2.2	Pua Kumbu	16
2.3	Latar Belakang Harta Intelek	22
2.4	Jenis-Jenis Harta Intelek	27
2.4.1	Paten	27
2.4.2	Hak Cipta	29
2.4.3	Cap Dagangan	30
2.4.4	Petunjuk Geografi	32
2.4.5	Reka Bentuk Perindustrian	34
2.5	Harta Intelek dan Pengetahuan Tradisional	35
2.6	Produk Tradisional	39
2.7	Perbadanan Yang Mengendalikan Harta Intelek	43
2.8	Rumusan	43
	<b>BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	44
3.1	Pengenalan	44
3.2	Langkah-langkah Menjalankan Penyelidikan	44
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan	45
3.4	Kaedah Penyelidikan dan Teknik Pengumpulan Data	46
3.4.1	Kupasan Keperpustakaan	46

3.4.2	Penyelidikan Kerja Lapangan	47
3.4.3	Pemerhatian	47
3.4.4	Pemerhatian Turut Serta	48
3.4.5	Temu Bual	49
3.4.5.1	Temu Bual Format Formal	50
3.4.5.2	Temu Bual Format Tidak Formal	51
3.5	Kerangka Konseptual	52
3.6	Teoritikal Penyelidikan	54
3.7	Kaedah Analisa Data Penyelidikan	57
3.8	Etika Penyelidikan	60
3.9	Rumusan	61
	<b>BAB 4: DAPATAN DAN PERBINCANGAN PENYELIDIKAN</b>	62
4.1	Pengenalan	62
4.2	Harta Intelek di Malaysia	63
4.3	Keputusan Temubual	66
4.4	Harta Intelek Produk Tradisional Sarawak: Pua Kumbu	83
4.5	Perbincangan	89
4.6	Perlindungan Pua Kumbu di bawah Akta Harta Intelek	99
4.6.1	Paten	100
4.6.2	Hak Cipta	101
4.6.3	Petunjuk Geografi	102
4.6.4	Reka Bentuk Perindustrian	104
4.6.5	Cap Dagangan	105
4.7	Kelebihan dan Kelemahan Akta-akta Harta Intelek	106

4.8	Komponen-komponen Perlindungan Pua Kumbu	108
4.9	Pengurusan Harta Intelek Berguna Kepada Produk Tradisional Sarawak Pua Kumbu	118
4.10	Pua Kumbu Sebagai Ikon Masyarakat Iban	122
4.11	Nilai dan Kepentingan Produk Tradisional	127
4.12	Pua Kumbu di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000	132
4.13	Rumusan	136
	<b>BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	137
5.1	Kesimpulan	137
5.2	Cadangan	142
5.2.1	Menganjurkan Seminar dan Simposium Pengurusan Harta Intelek Produk Tradisional Sarawak	143
5.2.2	Mengadakan Pertandingan Untuk Penenun-penenun Moden dan Pengusaha Produk Tradisional Sarawak	144
	<b>RUJUKAN</b>	145
	<b>GLOSARI</b>	154



## SENARAI JADUAL

		<b>Muka surat</b>
Jadual 2.1	Statistik permohonan dan pemberian patents dari tahun 1986 sehingga 2018	28
Jadual 2.2	Permohonan dan pemberian hak cap dagangan dari tahun 1934 sehingga 2018	31
Jadual 2.3	Permohonan dan pemberian petunjuk geografi dari tahun 2003 sehingga 2018	33
Jadual 2.4	Permohonan dan pemberian reka bentuk perindustrian dari tahun 1999 sehingga 2018	35
Jadual 4.1	Kelebihan dan Kelemahan Akta-akta Harta Intelek	106

## SENARAI GAMBARAJAH

	<b>Muka surat</b>
Gambarajah 3.1	Langkah-langkah Menjalankan Penyelidikan 45
Gambarajah 3.2	Bangunan Perbadanan Harta Intelek di Kuching 48
Gambarajah 3.3	Kerangka Konseptual Harta Intelek 52
Gambarajah 3.4	5 Fungsi Pengurusan Henri Fayol 55
Gambarajah 3.5	Proses Menganalisa Data Penyelidikan Kualitatif 58
Gambarajah 4.1	Sejarah Perkembangan Harta Intelek di Malaysia 63
Gambarajah 4.2	Kaedah Mengetengah Pengurusan Harta Intelek 95
Gambarajah 4.3	Perlindungan Pua Kumbu di bawah Akta Harta Intelek 99
Gambarajah 4.4	1) Pua Kumbu Lama 108
	2) Pua Kumbu Baru
Gambarajah 4.5	Komponen Perlindungan Harta Intelek 109
Gambarajah 4.6	1) Motif Lama 111
	2) Motif Baru
Gambarajah 4.7	Proses Permohonan Perjanjian Kerjasama Paten 114
Gambarajah 4.8	Kain Pua Kumbu Corak <i>Lebur Api</i> 115
Gambarajah 4.9	Kain Ela yang Bermotifkan Pua Kumbu 117
Gambarajah 4.10	Peta Suku-suku Dayak 120
Gambarajah 4.11	Pua Kumbu <i>Bali Belampong Tengkebang Orang Gelong Batu Bersundang</i> 123
Gambarajah 4.12	Kaedah Menenun Pua Kumbu Secara Tradisional 127



## SENARAI SINGKATAN

BHI	Bahagian harta intelek
CD	Cap dagangan
IGC	Intergovernmental committee on intellectual property and genetic resources, traditional knowledge, and folklore
MAIS	Majlis adat istiadat Sarawak
MyIPO	Malaysia intellectual property organization
PCT	Perjanjian kerjasama paten
PHIM	Perbadanan harta intelek Malaysia
PKT	Pengungkapan kebudayaan tradisional
UNESCO	The united nations educational, scientific, and cultural organization
WIPO	World intellectual property organization

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pengurusan harta intelek bukan sesuatu yang baharu dalam arena kesenian kreatif dunia. Sejak menyedari akan keuntungan yang bakal diperolehi melalui penjualan dan pengiktirafan harta intelek ramai golongan karyawan dan usahawan mencuba untuk melahirkan idea kreatif sendiri dalam penghasilan produk kreatif. Penghasilan produk tersebut dapat mendatangkan keuntungan jangka masa panjang untuk mereka yang menghasilkannya serta melakukan pendaftaran di bawah mana-mana akta harta intelek yang bersesuaian.

Kebanyakan pengusaha muda sudah sedia maklum mengenai kepentingan untuk melindungi hak intelek mereka daripada dicuri oleh individu lain. Pengetahuan yang mendalam mengenai kepentingan pengurusan harta intelek sangat penting dan seharusnya diikuti oleh prosedur bertulis yang boleh digunakan sebagai bahan rujukan utama. Pengurusan harta intelek terbahagi kepada enam asas yang utama iaitu paten, hak cipta, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk perindustrian dan reka bentuk susun atur litar bersepadu (MyIPO, 2010). Pemilik kepada harta intelek yang berdaftar mempunyai hak untuk menghalang mana-mana pihak untuk membuat, menggunakan, menjual dan melakukan kerja pengeksportan terhadap produk tersebut.

Pengkomersialan yang tidak dilindungi akan mendatangkan kerugian yang besar untuk jangka masa yang panjang kepada pemilik, pengusah dan pihak yang melindungi serta memulihara produk tradisional yang terdapat di Sarawak. Sehubungan dengan itu produk kreatif yang dihasilkan menggunakan idea sendiri dan produk tradisional yang asal

hendaklah didaftarkan di bawah mana-mana akta harta intelek yang bersesuaian bagi mengelakkan kerugian yang besar kepada pemilik asal produk tradisional tersebut.

Di Malaysia terdapat perbadanan yang dikenali sebagai Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang berada di bawah naungan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang menjadi peneraju utama kepada peraturan harta intelek di Malaysia. Perbadanan Harta Intelek Malaysia berperanan untuk membantu para karyawan, usahawan dan organisasi mendaftarkan aset ketara dan aset tidak ketara yang mereka hasilkan melalui buah fikir kreatif mereka. Pembangunan harta intelek di dalam sesebuah negara akan meningkatkan tahap inovasi, ekonomi dan menganjaknya ke sebuah negara berasaskan ekonomi pengetahuan.

Setiap suku kaum yang ada di Sarawak mempunyai budaya dan produk tradisional tersendiri yang harus dilindungi daripada menjadi hak milik orang lain serta menjaga nilai estetika yang terdapat pada produk tradisional tersebut. Suku kaum Iban merupakan penduduk majoriti di Sarawak dan memiliki lima jenis produk tradisional yang mempunyai nilai komersial yang tinggi. Antaranya adalah Pua Kumbu, *tajau* (tembikar), parang ilang, kain kebat dan baju burung. Adalah menjadi satu kepentingan untuk melindungi dan menjaga produk tradisional tersebut daripada jatuh ke tangan pihak yang tidak bertaualiah dan akan menyebabkan kemudaratan kepada produk itu sendiri.

Pua Kumbu Sarawak merupakan produk tradisional yang mempunyai nilai komersial yang sangat tinggi di pasaran pada hari ini. Arena fesyen dunia pada hari ini sangat berminat menggunakan motif Pua Kumbu untuk dijadikan motif kepada baju-baju rekaan mereka (Matrade, 2014). Bukan hanya motif yang menjadi tarikan mereka, malah proses untuk menghasilkan Pua Kumbu sudah mula diubah suai dan digunakan oleh pereka fesyen moden. Apabila proses penghasilannya sudah mula dimudahkan maka lebih mudah

barangan tradisional tersebut ditiru dan dikomersialkan. Penghasilannya juga akan berlambak dipasaran dan situasi ini secara tidak langsung akan menghilangkan nilai estetika yang ada pada produk Pua Kumbu itu sendiri.

Selain daripada pereka fesyen, pengusaha barangan kraf juga sudah mulai memahami nilai yang terdapat pada barangan dan ilmu tradisional dan dengan secara tidak langsung mereka akan lebih terdorong untuk merubah beberapa elemen utama pada produk tersebut untuk tujuan memperolehi keuntungan yang tinggi dan mendapat perhatian daripada komuniti tersebut mahupun daripada komuniti luar. Pembaharuan terhadap Pua Kumbu yang tidak terancang akan mengakibatkan produk yang asli atau yang lama hilang nilai estetikanya berbanding dengan produk moden yang jauh lebih menarik dari segi pemilihan warna dan cara olahan motif.

## **1.2 Pernyataan Masalah Penyelidikan**

Masyarakat Iban yang merupakan pembuat, pengusaha dan pemilik asal Pua Kumbu kurang mengetahui mengenai manfaat dan fungsi daripada pengurusan harta intelek produk tradisional. Pada masa dahulu, pengurusan harta intelek bukan satu isu yang sering diutarakan dalam media massa untuk tayangan umum. Malah, perundangan yang berkaitan dengan pengurusan harta intelek juga agak sulit untuk ditafsirkan (Aziz & Manap, 2009). Pemahaman mengenai harta intelek masih kurang di ketahui di Sarawak. Masih ramai lagi individu yang tidak mengetahui mengenai fungsi, peranan dan ragu-ragu akan pengurusannya.

Hal ini disebabkan kurangnya pendedahan awal mengenai pengurusan harta intelek kepada mereka, jadi mereka hanya menghasilkan produk tradisional tanpa memikirkan manfaat yang mereka bakal perolehi sekiranya mereka mendaftarkan produk mereka di bawah perlindungan mana-mana akta berkaitan. Pua Kumbu yang dianggap sebagai ikon

budaya dari dahulu lagi menjadikannya sangat signifikan dengan masyarakat Iban. Selepas Pua Kumbu dihasilkan dengan besar-besaran untuk tujuan komersial, penggunaan Pua Kumbu semakin menjadi *public domain* dan bukan hanya digunakan oleh masyarakat Iban sahaja pada hari ini.

Bagi kebanyakan pemilik asal produk tradisional mereka prihatin bahawa aspek budaya penting dan warisan mereka sering digunakan dan dijadikan sebagai komoditi utama atau digunakan dengan cara yang tidak sesuai. Hal ini menyebabkan mereka hilang kawalan terhadap penjagaan warisan yang betul, penghormatan terhadap bahan keramat terjejas, penggunaan simbol khusus yang suci dan mungkin berbahaya kerana ancaman daripada keaslian. Ini diburukan lagi apabila sebahagian aspek budaya mereka dijadikan *public domain*, yang berpotensi untuk lenyap. Situasi ini bukan digunakan untuk menunjukkan bahawa akses terbuka tidak baik, tetapi untuk menunjukkan bahawa ada penggunaan warisan bangsa lain yang tidak sesuai dan tidak dihargai bersesuaian dengan maksud sebenarnya (Brown & Nicholas, 2012).

Tidak dinafikan ini merupakan satu berita yang baik untuk meningkatkan nilai komersial Pua Kumbu tetapi jika tidak dilindungi kesemua keuntungan tersebut tidak mempunyai sumbangan kepada pemilik, pengusaha dan organisasi yang melindungi Pua Kumbu Sarawak. Malah pada hari ini bangsa-bangsa lain mempunyai koleksi yang lebih banyak berbanding masyarakat Iban sendiri, maka dari situ mereka memcuba untuk merubah sedikit demi sedikit motif dan teknik penghasilan Pua Kumbu. Apabila isu ini berlaku maka Pua Kumbu akan berubah wajah dari pelbagai aspek utamanya begitu juga nilai estetika yang terdapat pada produk tersebut.

Pua Kumbu yang mulai dikenali dan terkenal di serata dunia semakin dikembangkan oleh para pengiat fesyen, mereka menggunakan kain Pua Kumbu untuk



dijadikan produk lain seperti beg duit yang digabungkan dengan gaya moden begitu juga dengan kasut dan baju. Pua Kumbu telah banyak mengikuti pameran di luar negara seperti di Sweden, Paris, Bangkok, Manila dan Singapura. Pada tahun 1999 pameran berkaitan dengan cara pembuatan Pua Kumbu telah diadakan di muzium ethnograpis, Sweden dan banyak lagi pameran yang lain (Inchang, 2020). Berikutan dengan pendedahan Pua Kumbu yang sangat global pada hari ini maka perlindungan yang sesuai untuk produk ini perlu dilakukan untuk melindungi nilai-nilai estetika dan produk itu sendiri, selain daripada melindungi pemilik asal kepada produk tersebut.

Pengurusan harta intelek dalam melindungi produk tradisional, bahan budaya dan pengetahuan tradisional pada hari ini wajib untuk dilaksanakan bagi memberikan perlindungan untuk produk tradisional. Memang ramai pihak yang akan mencuba untuk mendapatkan keuntungan melalui penjualan produk tradisional ke pasaran antarabangsa tanpa mengetengahkan dari mana sumber asal produk yang mereka gunakan (Matrade, 2014). Namun begitu, penjualan produk tradisional tanpa perlindungan daripada akta-akta yang berkait akan mengakibatkan kerugian masa panjang kepada pengusaha produk tradisional itu sendiri dan begitu juga dengan negara (Samsudin et al, 2021). Hal ini kerana mereka kurang mengambil tahu mengenai pengkhususan perlindungan daripada perbadanan harta intelek untuk melindungi produk tradisional situasi ini secara tidak langsung akan mengakibatkan kerugian kepada mereka.

Pengungkapan Kebudayaan Tradisional (PKT) digunakan dalam kebanyakan perbincangan undang-undang harta intelek. PKT merupakan warisan yang dimiliki secara kolektif dan masih berkembang mengikuti perkembangan semasa secara umum. Walaupun begitu istilah PKT masih lagi tidak dipersetujui di peringkat antarabangsa. Penggunaan istilah seperti cerita rakyat (*folklore*), pengungkapan cerita rakyat (*expressions of folklore*),

dan pengetahuan tradisional (*traditional knowledge*) diguna pakai secara bergilir dan merujuk kepada perkara yang lebih kurang sama. Pemilihan takrifan dan istilah yang lebih sesuai masih lagi dibincangkan di peringkat antarabangsa dan PKT juga masih dibincangkan oleh *World Intellectual Property Organization Intergovernmental Committee of Traditional Knowledge, Traditional Cultural Expressions, and Genetic Resources (WIPO IGC)* (Samsudin et al., 2021).

Akta-akta yang terdapat dalam perundangan harta intelek juga masih lagi kabur penggunaan dalam melindungi produk tradisional yang asal dan yang baharu. Pendedahan yang lebih efektif mengenai setiap akta yang digunakan oleh perundangan harta intelek perlu dijalankan dengan segera. Hal ini kerana, dunia sekarang tiada batas antara satu sama lain maka penyebaran maklumat dan bahan-bahan kebudayaan dapat disebarkan dengan sangat mudah tanpa perlu bersua muka. Dengan wujudnya akta-akta yang berperanan melaksanakan perlindungan untuk produk ketara dan tidak ketara contohnya produk tradisional Pua Kumbu, maka produk tersebut akan dapat dilindungi daripada pelbagai sudut yang utama.

Malangnya, sehingga ke hari ini jumlah penyelidikan ilmiah yang berkaitan dengan pengurusan harta intelek untuk melindungi produk tradisional di Sarawak masih lagi kurang diterbitkan di Malaysia. Disebabkan hal tersebut, pengetahuan mengenai kepentingan pengurusan harta intelek dalam melindungi produk tradisional masih lagi kabur dan sukar untuk difahami oleh banyak pihak. Secara tidak langsung situasi ini akan menyukarkan pendedahan tentang kepentingan melaksanakan dan mempraktikkan perlindungan harta intelek untuk setiap hasil kreatif yang dihasilkan oleh pengusaha produk tradisional tempatan.

### **1.3 Soalan Penyelidikan**

Penyelidik menyatakan beberapa soalan yang perlu diselidik untuk menjawab objektif yang bersesuaian dengan tajuk penyelidikan harta intelek produk tradisional Sarawak: Pua Kumbu. Antara soalan-soalan utama yang akan diselidiki dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Apakah akta-akta harta intelek yang sesuai digunakan bagi pengurusan harta intelek kepada pengusaha, pemilik dan perbadanan yang memelihara budaya dan produk tradisional masyarakat Iban.
2. Mengapakah pengurusan harta intelek kepada pemilik, perbadanan dan pengusaha Pua Kumbu Sarawak perlu dilaksanakan untuk mengekalkannya sebagai milik dan ikon masyarakat Iban di Sarawak?
3. Bagaimanakah pengurusan harta intelek produk tradisional Sarawak dapat membantu melindungi kualiti, keaslian dan nilai estetika Pua Kumbu?

### **1.4 Objektif Penyelidikan**

Secara umumnya, penyelidikan ini dilaksanakan untuk menjelaskan mengenai kepentingan harta intelek produk tradisional Sarawak: Pua Kumbu khasnya di Kuching dan Lubok Antu. Objektif berperanan penting dalam membentuk hala tuju penyelidikan yang akan dijalankan oleh penyelidik. Berikut merupakan beberapa objektif penyelidikan yang bakal dilaksanakan:

1. Mengenalpasti akta yang sesuai untuk digunakan bagi pengurusan harta intelek kepada pengusaha, pemilik dan perbadanan yang memelihara budaya dan produk tradisional masyarakat Iban.

2. Meneliti impak pengurusan harta intelek kepada pemilik, perbadanan dan pengusaha Pua Kumbu dalam usaha menjadikan Pua Kumbu kekal sebagai hak milik dan ikon masyarakat Iban di Sarawak.
3. Menganalisis strategi pengurusan harta intelek dalam usaha membantu melindungi nilai estetika, keaslian dan kualiti Pua Kumbu.

### **1.5 Skop Penyelidikan**

Memandangkan pengurusan harta intelek merupakan satu tajuk yang luas maka penyelidik telah memilih untuk memfokuskan kepada beberapa aspek utama sahaja untuk penyelidikan ini. Penyelidikan ini menjurus kepada aspek-aspek yang berikut sahaja:

1. Penyelidikan ini hanya mengenai kaedah yang digunakan untuk mengetengahkan pengurusan harta intelek dan sejauh mana kesan sampingan daripada pengurusan harta intelek yang baik kepada pengusaha Pua Kumbu tempatan.
2. Penyelidikan ini juga untuk melihat akta-akta harta intelek yang mana paling bersesuaian serta relevan untuk diaplikasikan kepada perlindungan Pua Kumbu.
3. Lokasi penyelidikan yang dipilih hanya di Kuching dan Lubok Antu, Sarawak sahaja.

### **1.6 Limitasi Penyelidikan**

Terdapat beberapa limitasi yang penyelidik harungi sepanjang penyelidikan ini dijalankan dari tahun 2017 sehingga tahun 2020. Situasi ini mengakibatkan proses untuk memperolehi data yang lengkap agak terhad. Antara limitasi penyelidikan yang penyelidik harungi sepanjang penyelidikan ini seperti bahan rujukan yang terhad, kesuntukan masa bertemu informan, dan penyelidik tidak dapat berkerjasama dengan responden yang hendak ditemubual. Walaupun begitu, penyelidik berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memenuhi setiap elemen yang diperlukan dalam penyelidikan ini bagi memperolehi

dapatan penyelidikan yang bersesuaian dengan objektif yang telah dinyatakan oleh penyelidik.

### **1.6.1 Bahan Rujukan adalah Terhad**

Pertama, dari aspek bahan rujukan untuk Pua Kumbu sangat sukar untuk diperolehi pada hari ini. Buku dan penulis yang sama dan sangat terhad didapati di setiap perpustakaan yang penyelidik lawati. Oleh kerana bidang yang diselidiki oleh penyelidik ini masih lagi baru untuk produk tradisional Pua Kumbu, maka penulisan ilmiah mengenainya juga terhad dan hampir tiada. Penyelidik banyak menggunakan buku antarabangsa untuk mencari kaitan pengurusan harta intelek dan produk tradisional. Situasi seperti ini menyebabkan penyelidik mempunyai kesukaran untuk menyiapkan bahagian kupasan keperpustakaan.

### **1.6.2 Kesukaran Bertemu Informan**

Kedua, para informan penyelidik yang terdiri daripada persorangan di bahagian pengurusan daripada pelbagai jabatan dan mereka sibuk dengan jadual kerja yang padat menyukarkan penyelidik mendapatkan data penyelidikan dengan kadar segera. Sesi temu bual bersama mereka yang berlangsung agak lama juga menyebabkan penyelidik hanya mampu menemubual seorang informan sahaja dalam sehari. Walaupun begitu mereka masih lagi memberi kerjasama dan maklumat yang diberikan pula sangat berguna untuk penyelidikan yang sedang dijalankan ini.

### **1.6.3 Penyelidik Tidak Dapat Berkerjasama dengan Responden**

Ketiga dan terakhir, para responden di rumah panjang dan golongan penenun-penenun tua tidak memahami apa yang itu harta intelek dan mereka tidak mempunyai apa-apa data berkaitan dengan harta intelek. Situasi ini memerlukan penyelidik untuk menerangkan kepada mereka tentang harta intelek dan bagaimana ia berfungsi dalam

komuniti dan perlindungan produk tradisional. Walaupun begitu, penyelidik tetap memperoleh data yang berguna untuk produk tradisional Pua Kumbu.

### **1.7 Signifikasi Penyelidikan**

Perlindungan harta intelek merupakan satu daripada hak yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk melindungi karya-karya yang dizahirkan oleh pemikiran kreatif seseorang karyawan ataupun usahawan. Namun begitu masih terdapat banyak faktor yang menyebabkan fungsi pengurusan dan manfaat harta intelek kurang diketahui ramai. Kenyataan tersebut telah menarik minat penyelidik untuk menjalankan penyelidikan tentang harta intelek produk tradisional Sarawak: Pua Kumbu. Ini kerana Sarawak mempunyai kaum yang pelbagai dan memiliki khazanah budaya yang digunakan sebagai identiti untuk setiap kaum yang ada di Sarawak. Pua Kumbu yang sedia maklum merupakan milik kaum Iban dan hanya dihasilkan oleh mereka sahaja pada suatu masa dahulu. Namun kerana Pua Kumbu sudah menjadi *public domain*, maka penghasilannya pada hari ini tidak terhad kepada kaum Iban sahaja. Bagi mengelakkan pencagahan pendapat dan maklumat mengenai keasliannya perlindungan di bawah harta intelek merupakan langkah yang tepat untuk digunakan.

Hasil daripada penyelidikan ini dapat membantu pengusaha, pemilik dan perbadanan yang melindungi Pua Kumbu tempatan mengetahui mengenai kepentingan melindungi warisan budaya mereka daripada diambil dan dijual nilai komersialnya tanpa memberikan faedah kepada mereka. Selain daripada melindungi produk tradisional mereka daripada dicuri identitinya pemilik asal kepada produk mempunyai hak untuk menghalang penghasilan semula produk mereka yang bertujuan untuk dikomersialkan tanpa kebenaran daripada mereka. Setelah penyelidikan keperustakaan dilaksanakan oleh penyelidik, penyelidik mendapati masih belum ada bahan ilmiah yang berkaitan dengan harta intelek

produk tradisional Sarawak: Pua Kumbu diterbitkan di Malaysia. Perlindungan harta intelek di Malaysia lebih menjurus kepada bidang sains dan teknologi sahaja.

Kurangnya penulisan secara khusus mengenai harta intelek produk tradisional Sarawak: Pua Kumbu telah merangsang penyelidik untuk menyelidiki bidang ini dengan lebih teliti lagi. Berdasarkan penyelidikan yang sedang dilaksanakan ini, penyelidik berharap dapat menyumbang sedikit sebanyak mengenai pengurusan harta intelek produk tradisional Sarawak, Pua Kumbu kepada yayasan, perbadanan dan masyarakat Iban yang memiliki, menjaga dan melindungi khazanah budaya tersebut. Pengurusan harta intelek yang baik sangat penting untuk mengekalkan produk tradisional daripada pudar kerana arus permodenan perdana pada hari ini. Dengan adanya perlindungan seperti ini, penyelidikan ini dapat digunakan sebagai rujukan oleh generasi muda, orang luar serta para penyelidik budaya yang berminat untuk mengenali serta mempelajari ikon budaya masyarakat Iban dan pengurusan harta intelek.

Selain daripada itu, penyelidikan ini dapat membantu pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (*MyIPO*) cawangan Sarawak mendedahkan peranan dan kepentingan perbadanan mereka dalam membantu para pengkarya tempatan melindungi hak dan karya mereka daripada dicitak. Disamping itu, mempertahankan identiti kaum Iban di Sarawak menerusi perlindungan produk tradisional mereka yang sekian lama merupakan ikon kepada masyarakat Iban. Selain daripada faktor diatas penyelidikan ini bertujuan agar dapat membantu menjadi bahan rujukan utama untuk para penyelidik yang akan datang bagi melengkapkan penyelidikan yang mereka jalankan. Mereka juga boleh menggunakan penyelidikan ini untuk menyelidiki bahagian yang belum lagi diselidiki oleh penyelidik pada hari ini. Hal ini akan mengukuhkan lagi penulisan mengenai pengurusan harta intelek produk tradisional Sarawak di Malaysia sekaligus dapat memberikan impak positif kepada

institusi budaya dan perbadanan harta intelek Malaysia (*MyIPO*). Agar penggunaan akta-akta dapat digunakan sepenuhnya di negara kita, selari dengan kemajuan semasa.

## **1.8 Sistematika Penyelidikan**

Penyelidikan ini dijalankan khas untuk pengurusan harta intelek produk tradisional Sarawak, Pua Kumbu. Pembahagian penulisan untuk tesis penyelidikan ini dibahagikan kepada lima bahagian utama seperti berikut:

### **1.8.1 Bab 1: Pendahuluan**

Bab satu menerangkan secara menyeluruh mengenai perjalanan penyelidikan ini. Terdapat beberapa subtopik yang akan digunakan sebagai garis panduan dan rujukan penyelidikan untuk melaksanakan penyelidikan ini. Inti pati dalam bab pendahuluan ini merangkumi pengenalan kepada tajuk penyelidikan, pernyataan masalah, objektif penyelidikan, soalan penyelidikan, skop penyelidikan, signifikansi penyelidikan dan limitasi penyelidikan sepanjang proses pengumpulan data. Secara keseluruhan, topik-topik kecil yang terdapat dalam bab satu ini adalah bertujuan untuk menjelaskan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik kepada umum. Dengan adanya bahagian ini para pembaca akan memahami perjalanan penyelidikan ini.

### **1.8.2 Bab 2: Penyelidikan Keperpustakaan**

Penyelidikan keperpustakaan ini dilaksanakan untuk memperolehi maklumat secara ilmiah mengenai topik penyelidikan yang telah dipilih oleh penyelidik. Dalam penyelidikan keperpustakaan ini penyelidik telah menggunakan lebih daripada sepuluh buah buku untuk rujukan literatur seterusnya diikuti dengan jurnal-jurnal yang berkaitan dan juga laman sesawang yang mempunyai maklumat yang boleh digunakan untuk mengukuhkan lagi penyelidikan. Seterusnya penyelidik membahagikan kepada topik-topik kecil untuk memudahkan penulisan penyelidik dalam bahagian ini. Hanya idea utama yang